



22 FEB, 2021

## FAMA Sabah sumbang produk tempatan kepada penghantar makanan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2



**TERIMA KASIH:** Antara penghantar makanan yang menerima sumbangan.

## FAMA Sabah sumbang produk tempatan kepada penghantar makanan

Oleh Yap Siong Han

**KOTAKINABALU:**Seramai 20 penghantar makanan bermotosikal di sini mendapat perhatian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah yang tampil menyampaikan sumbangan kepada mereka.

Sumbangan yang diberikan itu merangkumi barangan produk keluaran Industri Kecil dan Sederhana (IKS), produk usahawan tempatan dan produk keluaran Agromas.

Pengarah FAMA Sabah Ribin Wahid berkata, sumbangan itu adalah bertujuan meringankan beban penghantar makanan yang terkesan ketika pandemik COVID-19 selain mahu membantu memasarkan produk usahawan tempatan.

"Mereka ini merupakan salah satu golongan barisan hadapan yang bertugas ketika pandemik ini dan mereka juga terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza, maka sebab itulah kami terpacnggil untuk membantu menyalurkan sumbangan buat mereka.

"Selain itu, melalui sumbangan ini juga kami dapat membantu memasarkan produk usahawan tempatan di mana kami (FAMA) mem-

beli produk-produk keluaran mereka," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, sumbangan yang disalurkan itu juga merupakan salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) FAMA Sabah dalam mendekati golongan memerlukan.

Sementara itu, penghantar makanan Faizee Darius, 33, merakamkan penghargaan kepada FAMA Sabah atas sumbangan yang diberikan.

"Terima kasih kami ucapkan kepada FAMA Sabah atas sumbangan yang diberikan dan kami amat menghargainya," katanya.

Bagi Andy Justin, 33, berkata, program CSR yang dilaksanakan FAMA Sabah itu amat dihargai bagi menghargai golongan memerlukan dalam sebuah komuniti.

"Program seperti ini dapat memberi impak yang sangat besar dalam kalangan pekerja penghantar makanan kerana ada individu atau pihak menghargai pengorbanan kami.

"Justeru itu, kami sebagai pekerja penghantar makanan sangat berbesar hati dan merakamkan jutaan terima kasih atas sumbangan yang diberikan dan berharap ia dapat diteruskan pada masa akan datang," katanya.



22 FEB, 2021

## FAMA Sabah sumbang produk tempatan kepada penghantar makanan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

**TERIMA KASIH:** Antara penghantar makanan yang menerima sumbangan.

**KOTAKINABALU:** Seramai 20 penghantar makanan bermotosikal di sini mendapat perhatian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah yang tampil menyampaikan sumbangan kepada mereka. Sumbangan yang diberikan itu merangkumi barangan produk keluaran Industri Kecil dan Sederhana (IKS), produk usahawan tempatan dan produk keluaran Agromas.